

# PM tepis dakwaan pihak mainkan isu Akta PSB

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menepis dakwaan beberapa pihak yang masih memainkan isu terkait Akta Pembaharuan Semula Bandar (Akta PSB).

Setiausaha Akhbar Kanan kepada Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah, berkata Perdana Menteri menegaskan undang-undang yang akan dibawa ke Parlimen kelak, tidak akan memaksa mana-mana pemilik rumah atau tanah untuk diusir.

“Akta itu juga tidak akan mengubah peratusan pemilikan Bumiputera atau mengubah komposisi etnik di sesuatu kawasan.

“Oleh itu, tidak timbul isu Melayu Bumiputera dipinggirkan daripada arus kemajuan bandar kerana matlamat utamanya adalah memastikan peningkatan kualiti hidup masyarakat bandar, sekali gus meningkatkan kualiti hidup masyarakat Melayu itu sendiri,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Taklimat Harian Pejabat Perdana Menteri yang disiarkan di Facebook PMO Malaysia, semalam.

Dalam taklimatnya Tunku Nashrul turut menyampaikan ingatan Perdana Menteri supaya rakyat tidak mudah terpengaruh dengan sebarang kenyataan fitnah yang tidak berasas.

“Mengambil contoh terbaru, terdapat hantaran di laman sosial yang mengulangi naratif fitnah usang dan jahat, bertujuan menimbulkan kegusaran awam mengenai laungan azan,” katanya.

Sementara itu, Tunku Nashrul berkata, Perdana Menteri juga meminta Agensi Penguurusan Bencana Negara (NADMA) memperkemas penyelarasan kekuatan jentera persekutuan dan negeri bagi memastikan bantuan dapat disalurkan secara berterusan.